



## Perintah: Hanya aduan berkaitan harga dan bekalan berkurangan semasa PKP - KPDNHEP Kelantan

07/04/2020 03:02 PM

**TUMPAT, 7 April** -- Sebanyak 149 aduan ketiadaan bekalan dan barangan dijual dengan mahal, diterima Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan, sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan pada 18 Mac lalu sehingga semalam.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Kelantan Azanizam Affendi Juri berkata, kebanyakan aduan terbabit adalah berkaitan penutup hidung dan mulut, beras dan telur.

Katanya, pada fasa pertama PKP iaitu pada 18 Mac hingga 31 Mac sebanyak 118 aduan diterima, manakala pada fasa kedua mulai 1 April sehingga semalam pula, 31 aduan diterima.

"Pada fasa pertama kita yakin pengguna berasa panik dan membuat pembelian sehingga bekalan berkurang di pasaran.

"Bagaimanapun, dengan kerjasama pelbagai agensi, masalah itu dapat diatasi dengan kadar segera dan dapat dipulihkan pada fasa kedua PKP," katanya kepada pemberita selepas melakukan tinjauan di sebuah premis pemborong, di Wakaf Bharu di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Azanizam berkata pada fasa pertama PKP dilaksanakan, sebanyak 2,039 premis diperiksa, manakala pada fasa kedua pula sebanyak 1,545 buah premis sudah diperiksa, dengan kekuatan 133 pegawai serta 94 Pegawai Pemantau Harga yang dilantik.

Dalam tempoh itu juga sebanyak 44 buah pasar raya, 50 peruncit dan 36 pemborong terpilih, turut diperiksa.

"Daripada keseluruhan premis yang diperiksa, hanya enam kes direkodkan iaitu satu kes mengikut Akta Timbang dan Sukat 1972 dan lima kes mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

"Kita berharap orang ramai jangan melakukan pembelian panik, kerana kami akan memastikan barangan bekalan amat mencukupi di pasaran," katanya.

Jelasnya, sekiranya pengguna menghadapi masalah untuk mendapatkan bekalan, mereka boleh berhubung dengan pejabat KPDNHEP Kelantan di talian 09-7416000, dan kita akan pastikan bekalan di kawasan mereka dipulihkan dalam tempoh 24 jam.

-- BERNAMA

<https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1829426>

